



JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
NOTIS KERJA UNDI BIL 1/2024

PENDAFTARAN DAN CABUTAN KERJA UNDI DI JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

PENGUMUMAN

1. ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA JABATAN KEJURUTERAAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG AKAN MELAKSANAKAN PROSES KERJA UNDI BAGI KERJA-KERJA YANG DILAMPIRKAN.
2. PENDAFTARAN KONTRAKTOR UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA UNDI INI AKAN DILAKSANAKAN SECARA BERSEMUKA
3. PIHAK KONTRAKTOR WAJIB MENGISI MAKLUMAT BORANG PERSETUJUAN UNTUK MENYERTAI KERJA UNDI DENGAN MELENGKAPKAN BORANG TERSEBUT SERTA MEMBAWA DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN. HANYA DOKUMEN DALAM 'HARD COPY' DAN SAHAJA DIBENARKAN.
4. TEMPOH MASA PENDAFTARAN BERSEMUKA ADALAH SELAMA 3 JAM BERMULA PADA 30HB OKTOBER 2024 (RABU), JAM 9 PAGI SEHINGGA JAM 12.00 TENGAHARI.
5. PENDAFTARAN SECARA BERSEMUKA SAHAJA AKAN DITERIMA DAN PIHAK URUSETIA JABATAN AKAN MENYENARAikan KONTRAKTOR YANG BERJAYA PADA TAPISAN PENDAFTARAN UNTUK DIPAPARKAN PADA UMUM SEBELUM PROSES CABUTAN UNDI DILAKSANAKAN.
6. PIHAK KONTRAKTOR TIDAK PERLU HADIR KE PEJABAT UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN-DOKUMEN TERSEBUT.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI PROSES KERJA UNDI ADALAH SEPERTI YANG TERTERA DI BAWAH :-

1. TERBUKA KEPADA KONTRAKTOR KEJURUTERAAN AWAM GRED G1 (CE21) DAN (CE01) YANG BERALAMAT DI DAERAH HULU LANGAT DAN DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
2. SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN YANG DIKELUARKAN OLEH SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) YANG MASIH AKTIF.
3. MEMILIKI SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) YANG DIKELUARKAN OLEH CIDB YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU.
4. MEMILIKI SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) YANG DIKELUARKAN OLEH CIDB YANG MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU.
5. MEMILIKI SIJIL PENGESAHAN PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI (UPEN) SELANGOR.
6. WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN. HANYA PENAMA / PEMILIK YANG SAH SAHAJA SEPERTI DALAM SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN. PIHAK JABATAN BERHAK MENOLAK PENYERTAAN SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT TERSEBUT ADALAH PALSU, DAN MEMBATALKAN PENYERTAAN JIKA MENDAPATI PEMOHON MEWAKILI BAGI PIHAK YANG LAIN.
7. MANA-MANA KONTRAKTOR YANG TELAH MENGHANTAR MAKLUMAT PENDAFTARAN SECARA BERSEMUKA, ADALAH BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH PALSU, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAIKAN, DAN TIDAK LAYAK UNTUK MENDAPAT KERJA DALAM PROSES KERJA UNDI INI.
8. KONTRAKTOR YANG LAYAK KE PERINGKAT CABUTAN UNDI AKAN DIBERITAHU SEMASA PENDAFTARAN DAN TAPISAN DIBUAT PADA HARI DAN MASA YANG SAMA DAN JIKA SEKIRANYA BERMINAT, KONTRAKTOR DIKEHENDAKI HADIR KE SESI CABUTAN UNDI PADA SEBELAH PETANG.

PENDAFTARAN PROSES KERJA UNDI BIL 1/2024 AKAN DIADAKAN SEPERTI BERIKUT :-

TARIKH & WAKTU PENDAFTARAN : 30HB OKTOBER 2024 (RABU), JAM 9.00 PAGI
SEHINGGA JAM 12 TENGAH HARI

- PENDAFTARAN HENDAKLAH DIBUAT SECARA BERSEMUKA. PAUTAN BAGI BORANG PENDAFTARAN AKAN DISIARKAN DI PORTAL RASMI MAJLIS PERBANDARAN KAJANG , www.mpkj.gov.my bermula pada 28hb Oktober 2024.